

**PERANAN LULUSAN AL-AZHAR TERHADAP PERKEMBANGAN
INTELEKTUAL MELAYU PADA AKHIR ABAD KE 19 MASIHI**

**[THE ROLE OF AL-AZHAR GRADUATE IN MALAY INTELLECTUAL
DEVELOPMENT AT THE END OF THE 19TH CENTURY]**

NORUL ATIKAH ABDULLAH¹ & IZZIAH SURYANI MAT RESAD@ARSHAD^{1*}

^{1*} Pusat Kajian Bahasa Arab dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. e-Mail: izziah@ukm.edu.my

Received: 11 October 2021

Accepted: 20 November 2021

Published: 30 December 2021

Abstrak: Kajian terdahulu mendapati lulusan al-Azhar memainkan peranan yang penting dalam perkembangan idea pemikiran di Tanah Melayu. Justeru itu satu kajian dari aspek pendidikan perlu dijalankan. Objektif kajian ini adalah untuk memperlihatkan peranan al-Azhar terhadap perkembangan intelektual Melayu pada akhir abad ke 19 Masihi di Tanah Melayu melalui penglibatan beberapa tokoh Melayu berkelulusan al-Azhar yang terlibat. Metode kajian adalah menggunakan kaedah kualitatif, menerusi kajian sejarah dan analisis kandungan dengan mengumpulkan sejarah perkembangan intelektual di Mesir dan di Tanah Melayu pada akhir abad ke 19 Masihi. Kajian ini mendapati ramai tokoh Melayu berkelulusan al-Azhar memainkan peranan yang penting dalam perkembangan intelektual Melayu di Tanah Melayu dan pengaruh al-Azhar menjana kepada perubahan pendidikan yang lebih bersistematik di Tanah Melayu akhir abad ke 19 Masihi.

Kata Kunci: Al-Azhar, Perkembangan Intelektualisme, Pendidikan dan Melayu.

Abstract: Previous studies have found that al-Azhar graduates play an important role in the development of thought in Malaya. Therefore, a study from aspect of education needs to be conducted. The objective of this study is to elucidate the role of al-Azhar in Malay intellectual development in Malaya at the end of the 19th century in Malaya through the involvement of some noted Malay figures of al-Azhar graduation. Generally, this article draws on qualitative method, through historical study and content analysis by collecting the history of the intellectual development in Egypt and Malaya at the end of the 19th century. It is found in this study that many Malay figures of al-Azhar graduation played an important role in Malay intellectual development in Malaya and that the influence of al-Azhar in triggering educational transformation was more systematic in Malaya at the end of the 19th century.

Keywords: *Al-Azhar, intellectual development, education and Malay*

Cite This Article:

Norul Atikah Abdullah & Izziah Suryani Mat Resad@Arshad. (2021). Peranan lulusan al-Azhar terhadap perkembangan intelektual Melayu pada akhir abad ke 19 masihi [The role of al-Azhar graduate in Malay intellectual development at the end of the 19th century]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(4), 1-14.

PENGENALAN

Institusi pengajian tinggi adalah sebuah institusi yang paling penting dalam proses pembangunan dan perkembangan intelektual masyarakat tempatan khususnya. Malah institusi pendidikan satu signifikansi dalam perkembangan intelektual pada zamannya. Antara contoh zaman yang boleh dilihat ialah pada zaman Khalifah Harun al-Rashid yang terkenal oleh para sejarawan dengan gelaran *The Golden Age of Abbasiyah*, terutama sarjana Barat kerana kehebatan sarjana Islam pada zaman tersebut dalam pelbagai bidang ilmu. Kehebatan perkembangan intelektual pada zaman tersebut berjaya melahirkan pelbagai tokoh keilmuan Islam yang hebat seperti al-Farabi, al-Biruni, Ibn Sina, al-Kindi dan lain-lain. Khalifah Harun al-Rashid berjaya menjadikan Kerajaan Islam pada zamannya sebagai pusat ilmu pengetahuan dunia dengan penubuhan perpustakaan *Bayt al-Hikmah* (Yonto: 2015).

Khadijah & Nor Adina (2005) dalam penulisan artikel yang bertajuk *Pengaruh al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan di Tanah Melayu-Tanah Melayu* menjelaskan peranan pelajar Melayu yang berkelulusan al-Azhar dalam menyebarkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Melayu serta pengaruh sistem pendidikan al-Azhar dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu. Mereka telah membina sistem pendidikan Islam dalam bentuk yang lebih tersusun dan sistematik dengan menekankan ilmu-ilmu moden. Ianya dipengaruhi oleh sistem pendidikan Universiti al-Azhar.

Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, pengkaji mendapati bahawa institusi al-Azhar memainkan peranan yang besar terhadap perkembangan intelektual Melayu di Tanah Melayu pada abad akhir ke 19 Masihi melalui tokoh berkelulusan al-Azhar. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Redzuan (2005) dalam penulisannya berjudul *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah* yang menyatakan walaupun golongan lulusan al-Azhar dilihat sebagai satu gerakan yang membawa kepada perpecahan masyarakat Melayu tetapi dari segi lain gerakan ini sebenarnya telah menjadi pemangkin kepada meningkatnya budaya intelektual dalam masyarakat melayu. Maka dalam usaha menjelaskan peranan al-Azhar sebagai pemangkin kepada perkembangan intelektualisme Melayu, pengkaji telah mengumpul dan menganalisis maklumat yang berkaitan dalam mencerakinkan data-data yang sedia ada menggunakan metode kajian kualitatif.

SEJARAH PERKEMBANGAN PENDIDIKAN AL-AZHAR

Sejarah penubuhan Universiti al-Azhar di bumi Mesir pada zaman Kerajaan Fatimiyah (909-1171 Masihi) yang bermazhab Syiah. Kerajaan Fatimiyah pada masa tersebut memainkan peranan yang penting dalam menyumbangkan kepada perkembangan pendidikan Islam dalam melahirkan tokoh-tokoh pendidikan Islam yang mampu menjadi pemimpin di al-Azhar dan memberi buah pemikiran sehingga menjadi tempat rujukan (Syahraini: 2016). Sumbangan Kerajaan Fatimiyah dalam membina masjid al-Azhar pada abad ke-10M, dan kemudiannya dijadikan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi. Pada tahun 970 Masihi masjid al-Azhar telah dirasmikan dengan solat Jumaat pertama pada 6 Ramadan 361 Hijrah dan proses

pembinaan masjid al-Azhar memakan selama dua tahun dan siap pada 22 Jun 972 Masihi (Zulkiflee et.al: 2008).

Proses berkembang pendidikan di masjid al-Azhar semakin meningkat apabila ramai para pelajar yang datang untuk mendalami ilmu agama seterusnya menjadi sebuah universiti yang berperanan hebat dalam mencorak pemikiran Islam (Hitti, 2005). Walaupun al-Azhar tidak dapat tidak merupakan sebuah medan untuk propaganda kekuasaan khalifah dan sekaligus menjadi laluan penyebaran aliran pemikiran Syiah. Namun setelah hampir 200 tahun al-Azhar di bawah kekuasaan Kerajaan Fatimiyah, al-Azhar diambil alih oleh Kerajaan Ayubiyah pada 1171 Masihi iaitu sebuah kerajaan yang memegang kepada aliran Sunni. Maka al-Azhar bukan lagi menjadi tempat penyebaran aliran Syiah, sebaliknya ia terus bertukar menjadi masjid yang beraliran Sunni tetapi kurang giat dalam aktiviti pengajaran (Syahraini: 2016).

Kemasukan Napoleon ke Mesir selama tiga tahun mempunyai pengaruh yang besar kepada masyarakat Islam di Mesir terutama dalam memberi pendedahan kepada ilmu alam, ilmu pasti, ekonomi dan juga politik. Setelah ekspedisi Napoleon meninggalkan Mesir pada 1801 Masihi, telah tercetus satu anjakan yang baru kepada umat Islam di Mesir akan semangat kebangkitan dan kesedaran serta tahap kemajuan dan kemunculan dualism dalam pendidikan di Mesir dengan penubuhan sekolah ketenteraan model Barat pada tahun 1816M (Adibah & Ezad: 2011). Keadaan ini terus berkembang apabila para pemikir Islam mula bangkit dengan memberi reaksi kepada sikap masyarakat Islam yang hanya *taqlid* dan *jumud* dalam menuntut ilmu.

Menurut Syahraini (2016), pendidikan Islam di al-Azhar mengalami kemunduran apabila mereka hanya mementingkan ilmu akhirat semata-mata. Aliran pemikiran Mu'tazilah juga menjadi faktor yang menyumbang kepada pengurangan umat Islam untuk mendalami ilmu-ilmu sains dan falsafah. Pemikiran logik dan ilmiah ini bukan merupakan pilihan utama umat Islam dan merubah pemikiran umat Islam menjadi tradisional, akhirnya membawa kepada *kejumudan* ilmu. Maka dari sini muncul beberapa gerakan baru yang ingin merubah keadaan umat Islam dengan kebangkitan dalam bidang pengajian Islam (Syahraini: 2016). Antara tokoh-tokoh pembaharuan yang utama di al-Azhar dalam menyebarkan idea dan pengaruh masing-masing untuk kemajuan al-Azhar dan umat Islam di Mesir iaitu Muhammad 'Abduh dan Muhammad Rashid Rida, pengkaji cuba mengetengahkan dalam membincangkan pencetus idea pembaharuan yang berlaku di al-Azhar (Badlihisam et al.: t.th). Pengkaji hanya memfokuskan kepada pembaharuan yang dilakukan oleh Muhammad 'Abduh dan juga Muhammad Rashid Rida dalam mengaitkan pengaruh mereka kepada para pelajar Melayu yang sezaman dengan dua orang tokoh hebat tersebut.

Idea Pembaharuan Muhammad 'Abduh (1849-1905) di al-Azhar

Pembaharuan yang dilakukan oleh Muhammad Ali Pasya berjaya membina intelektual Muslim yang berwawasan luas dari segi pengetahuan agama dan juga pengetahuan umum. Dari sudut yang lain, muncul dualisme pendidikan dalam sistem pendidikan masyarakat Islam ketika itu akibat daripada pelajar lulusan madrasah hanya mahir tentang ilmu agama sahaja dan pola pemikiran masyarakat yang sempit. Keadaan ini mendapat perhatian Muhammad 'Abduh untuk memberikan reaksi kepada permasalahan ini dengan berusaha membawa perubahan dalam sistem pendidikan di Universiti al-Azhar (Syahraini: 2016). Muhammad 'Abduh juga

terpengaruh dengan gagasan idea yang dibawa oleh Jamal al-Din al-Afghani, teretusnya idea reformis kepada pendidikan agama Islam dan penyesuaian masyarakat Islam terhadap kemodenan (Hafiz: 2020). Pembaharuan pendidikan agama di Mesir dalam kurikulum pendidikan di al-Azhar yang diperjuangkan oleh Muhammad ‘Abduh (Adibah & Ezad: 2011). Menurut Muhammad ‘Abduh, menjadi satu keperluan untuk memasukkan ilmu-ilmu moden agar para ulama Islam memahami keperluan semasa di era kemodenan bagi mencari penyelesaian di setiap persoalan yang ada dan menggesa agar berlaku sinkronisasi antara Islam dan ilmu-ilmu moden (Adibah & Ezad: 2011). Bahkan al-Azhar akan menjadi sebuah institusi pendidikan pemerintah yang berjaya melahirkan ilmuwan Islam yang mahir dan seimbang dalam kedua-dua aspek, iaitu agama dan juga pengetahuan umum. Seterusnya mampu memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan kemajuan masyarakat Islam. Fokus utama Muhammad ‘Abduh adalah dengan mengubah sekolah pendidikan Islam seperti Universiti al-Azhar yang melahirkan lulusan agama bersifat jumud dan tiada perubahan dengan mengembalikan semula ajaran-ajaran dasar Islam yang tepat akan mengakhiri kemunduran masyarakat Islam.

Seterusnya, Muhammad ‘Abduh cuba melaksanakan penambahbaikan dalam pentadbiran al-Azhar pada tahun 1895 Masihi dengan pembaharuan administratif yang bermanfaat. Namun, usahanya mendapat tentangan oleh ulama al-Azhar kerana beliau dituduh mengembalikan semula aliran pemahaman Mu’tazilah. Disebabkan kekangan tersebut, Muhammad ‘Abduh telah mengemukakan pandangannya kepada lembaga pendidikan iaitu Majlis Pengajaran Tinggi untuk mengajarkan ilmu agama dan ilmu asas sekaligus kepada lembaga pendidikan Islam. Muhammad ‘Abduh memperjuangkan satu sistem pendidikan universal bagi setiap lapisan masyarakat, tanpa mengira jantina untuk mempunyai pendidikan umum dan berusaha untuk membina satu jambatan jalinan diantara jurang ilmu pendidikan agama Islam dengan ilmu pendidikan yang dibawa oleh Barat pada zaman tersebut (Hafiz: 2020).

Perkara tersebut bertepatan dengan lima matlamat utama pembaharuan Muhammad ‘Abduh yang dinyatakan oleh Gibb (1947), iaitu memastikan ajaran agama Islam tidak terseleweng dari ajaran yang sebenar, pembaharuan dalam sistem pendidikan Islam, menghidupkan pendidikan Islam yang selari dengan keperluan dunia semasa, mempertahankan agama Islam dari pengaruh Eropah dan serangan agama Kristian dan yang terakhir mengambil nilai positif pendidikan sains Barat dan kemajuannya (Hafiz: 2020). Syahraini (2016), menyebut tiga perkara yang diperbaharui oleh Universiti al-Azhar, pertama ialah membentuk Dewan Pimpinan al-Azhar yang terdiri daripada ulama-ulama besar empat mazhab, menilai kembali urusan pentadbiran al-Azhar dengan mewujudkan ruang khas bagi direktor al-Azhar. Kedua, menentukan kelayakan para pengajar dan juga mengangkat para pembantu dalam urusan pentadbiran universiti. Perubahan ketiga adalah masa belajar dipanjangkan mengatasi masa rehat. Perubahan dalam sistem pendidikan di al-Azhar ini sedikit sebanyak menyumbangkan kepada perkembangan intelektualisme al-Azhar.

Latifah et.al (2018), menyatakan bahawa hanya sekitar dekad kedua abad ke-20 Masihi orang Melayu mula melihat sistem pendidikan di Mesir lebih teratur dan sistematik berbanding corak pendidikan tidak formal yang ditawarkan di Hijaz dan mula memilih menghantar anak mereka belajar di Mesir. Malah memberi pengaruh yang hebat kepada perkembangan sistem pendidikan agama di Malaysia, sehingga tertubuhnya sistem pendidikan madrasah yang

kebanyakan tenaga pengajar yang terdiri dari lepasan al-Azhar serta latihan pengajaran dari Universiti al-Azhar, maka tidak hairanlah silibus pembelajaran dan pengajaran juga diambil daripada Universiti al-Azhar (Latifah et.al:2018). Objektif utama adalah dengan menghasilkan para ilmuwan yang berjaya dan seimbang dengan menyumbangkan pemikiran mereka kepada masyarakat Islam serta kemajuan Islam. Idea pembaharuan dalam mengubah sistem pendidikan dalam mengubah masyarakat Islam pada masa tersebut menjaya meraih sokongan Kaum Muda yang mempunyai pemikiran yang sama yang berpendapat melalui pendidikan adalah cara yang paling berkesan untuk mengubah masyarakat Islam dari kemunduran kepada kemajuan dan kemodenan (Adibah & Ezad: 2011).

Idea Pembaharuan Muhammad Rashid Rida

Idea pembaharuan Muhammad ‘Abduh diteruskan oleh Muhammad Rashid Rida. Hal ini kerana pada tahun 1898M, Muhammad Rashid Rida datang ke Kairo hanya untuk berguru dan bergabung dengan Muhammad ‘Abduh. Usahanya dapat dilihat apabila beliau sendiri mengesa Muhammad ‘Abduh untuk menerbitkan majalah *al-Manar* sebagai laluan kepada matlamat mereka (Hafiz: 2020). Muhammad Rashid Rida percaya dengan menyebarkan idea pembaharuan akan cepat tersebar dengan adanya majalah yang mampu memberikan pendedahan kepada masyarakat Islam tentang kemunduran mereka. Muhammad ‘Abduh setuju dengan cadangan anak muridnya dan kemudian berjaya menerbitkan majalah *al-Manar* (Syahraini: 2016). Ahmad Nabil (2020), menyokong tentang kepentingan majalah *al-Manar* dengan menyatakan Muhammad Rashid Rida memainkan peranan yang besar dalam menyebarkan idea-idea pembaharuan Muhammad ‘Abduh melalui majalah *al-Manar* kerana tanpanya dunia Islam akan kehilangan sebahagian besar pemikiran Muhammad ‘Abduh.

Tujuan penerbitan *al-Manar* adalah sama dengan *al-Urwah al-Wusqa*, yakni sebagai satu platform yang menggunakan media untuk pembaharuan dalam bidang agama, sosial, ekonomi, politik dan khususnya menghilangkan fahaman-fahaman yang salah dalam masyarakat Islam serta meningkatkan mutu pendidikan Islam dan lain-lain (Syahraini: 2016), (Latifah: 2020). Syahraini Tambak (2016) membahagikan secara umum, empat pemikiran Rashid Rida untuk mengatasi masalah kemunduran masyarakat Islam dan semuanya harus dimulai dari Universiti al-Azhar, pertama adalah penyingkiran fahaman bida’ah dan fahaman fatalisme umat Islam, kedua mengembangkan pemikiran ijtihad, ketiga adalah *ukhuwah Islamiyyah* dan yang terakhir adalah menambah kurikulum moden di al-Azhar. Pengkaji ingin membahaskan mengenai usaha Rashid Rida yang keempat, iaitu menambah kurikulum moden di al-Azhar yang membawa kepada perkembangan intelektual masyarakat Islam di Mesir pada ketika itu sekaligus memberi pengaruh yang kuat terhadap perkembangan intelektual masyarakat Islam di tanah Melayu.

Meneruskan idea-idea pembaharuan gurunya Muhammad ‘Abduh, Muhammad Rashid Rida memberi perhatian yang khusus terhadap keperluan pembaharuan pendidikan, beliau melihat keperluan untuk menukar kurikulum sedia ada dengan menambah mata pelajaran baru seperti teologi, pendidikan moral, sosiologi, ilmu bumi, sejarah, ekonomi, ilmu pengiraan, ilmu kesihatan, bahasa-bahasa asing dan ilmu mengatur rumah tangga sebagai kurikulum madrasah-madrasah tradisional (Nasrudin: 2011). Idea pembaharuan tersebut akhirnya tersebar kepada para guru dan para pelajar al-Azhar (Mustaffa et.al: 2012). Dapat dilihat dengan munculnya

beberapa pemimpin al-Azhar menyokong kembali metode pengajaran tersebut dengan mengajarkan ilmu sejarah, geografi dan beberapa cabang ilmu alam yang lain (Syahraini: 2016). Hubungan rapat antara penyokong Kaum Muda di Tanah Melayu dengan Muhammad Rashid Rida hasilnya berlaku transmisi idea fahaman reformisme dalam sistem pendidikan Islam dari Mesir ke Tanah Melayu dengan penerbitan dan edaran majalah *al-Manar* di Alam Melayu yang membawa kepada perkembangan sistem pendidikan agama di Tanah Melayu (Adibah & Ezad: 2011). Perkara ini disokong oleh Latifah et.al (2018), menyatakan sejarah pendidikan agama di Malaysia iaitu pendidikan awal madrasah yang diperkenalkan di Malaysia adalah pengaruh dari sistem pendidikan dari Mesir.

Pelajar Melayu di al-Azhar

Menurut Muhammad Redzuan (2005), Universiti al-Azhar menjadi destinasi pilihan para belia Melayu pada 1920an dan 1930-an untuk menuntut ilmu. Para pelajar Melayu yang menuntut ilmu di Kaherah merupakan para pelajar yang mempunyai daya inisiatif yang tinggi. Perkara ini dibuktikan dengan penglibatan mereka dalam persatuan dan juga usaha menerbitkan surat khabar sendiri. Tambahan pula, mereka yang menyaksikan sendiri rakyat Mesir pada waktu tersebut berjuang menuntut kemerdekaan daripada penjajah Inggeris. Disebabkan keadaan politik Mesir yang bersifat lebih terbuka, dan memberi galakan kepada para pelajar Melayu dalam kegiatan politik dan menimbulkan kesedaran politik. Pengalaman dan pendedahan ini menjadi dorongan awal kepada mereka sekaligus menanam kesedaran terhadap kebangkitan bangsa mereka.

Muhammad Jamaluddin al-Afghani dilihat sebagai pengasas kepada idea pemikiran yang menyeru kepada kesedaran dan kebangkitan umat Islam untuk melawan penjajahan Barat. Tetapi keberadaan beliau di Mesir hanyalah tiga tahun sahaja apabila beliau dihalau keluar oleh pihak Inggeris. Namun idea pemikiran beliau berterusan apabila disokong oleh Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain, seorang anak Melayu pertama yang belajar di al-Azhar pada tahun 1870 Masihi. Beliau hidup sezaman dengan al-Afghani dan Sultan Abdul Hamid sendiri telah melantik beliau untuk mengendali mesin pencetak di Makkah untuk meluaskan pengaruhnya dalam kalangan masyarakat Melayu. Syeikh Wan Ahmad sendiri telah memperkenalkan kepada Sultan Abdul Hamid tentang penulisan sebuah buku '*Sabil al-Tafaquh Fi Amr al-Din*' dan Sultan Abdul Hamid bersetuju membiayai percetakan buku ini. Buku ini didasari ajaran Islam kepada amalan mazhab Syafi'e digunakan secara meluas di Alam Melayu (Muhammad Redzuan: 2005).

Penubuhan persatuan oleh para pelajar Melayu di al-Azhar bermula dengan *al-Jami'iyah Setia Pelajar* pada tahun 1913 Masihi, tetapi tidak tahan lama. Kemudian pada tahun 1923 ditubuhkan kembali persatuan oleh para pelajar Melayu iaitu *al-Jami'iyah al-Khariyyah* dengan menjadikan majalah *Seruan al-Azhar* pada 1925 Masihi sebagai lidah rasmi persatuan mereka. Persidangan Antarabangsa Khalifah, berjaya menarik minat para pelajar Melayu. Antara isu yang menarik para pelajar Melayu ialah dengan memberikan reaksi terhadap kontroversi dan menolak pemikiran sekular Ali Abd al-Raziq dalam memisahkan politik dan juga agama (Muhammad Redzuan: 2005).

Terdapat tiga kegiatan utama para pelajar Melayu ketika mereka berada di al-Azhar, Mesir iaitu pertama, dalam penerbitan surat khabar atau majalah di Mesir. *Seruan al-Azhar* dan

juga “*Pilehan Timoer*” adalah surat khabar terbitan para pelajar Melayu semasa berada di Mesir. Peranan kedua pula apabila mereka menghantar wakil pelajar Melayu iaitu Djanan Taib untuk menghadiri Mukhtar Islami di Mekkah yang pada masa tersebut dianjurkan oleh Ibn Said pada musim haji pada tahun 1926 Masihi. Penglibatan utama oleh para pelajar Melayu ialah dengan menyuarakan pandangan mereka mengenai bagaimana cara untuk mempertahankan kedaulatan bandar suci Palestin. Hasil daripada itu, Abdul Kahar dilantik sebagai setiausaha Persatuan Mukhtar Alam Islami dalam Persidangan Islam pada tahun 1931 Masihi (Muhammad Redzuan: 2005)

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DI TANAH MELAYU

Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat (1985) meletakkan konsep pendidikan Orang Melayu sebelum diperkenalkan pendidikan sekular oleh kolonial British ialah konsep pendidikan bersifat tidak formal. Menurutnya lagi, konsep ini lebih tertumpu kepada proses sosiologi yang mengandungi pelbagai proses tunjuk ajar, pembentukan akhlak dan juga berintipatikan kepada warisan kebudayaan. Ini tidak dapat dinafikan, bila melihat kepada sejarah masyarakat Orang Melayu pada peringkat awal mereka melalui beberapa tahap sehinggalah mencapai umur yang sesuai untuk mendalami sesuatu ilmu.

Pendidikan Informal Masyarakat Melayu

Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat (1985) membahagikan kepada dua tahap pendidikan informal dalam masyarakat Melayu. Pada tahap pertama adalah dengan memperbaiki dan memperbetulkan kesalahan anak-anak dengan kebiasaannya anak-anak akan dimarahi, ditegur dan sebagainya. Memukul anak pada tahap yang minimum bukanlah untuk menyakiti bahkan untuk mendidik sebagai pengajaran dalam meletakkan garisan, membolehkan mereka membezakan perkara yang betul dan salah serta ingatan untuk tidak mengulangi kesalahan itu lagi. Proses sosiologi pada peringkat ini, ibubapa memainkan peranan besar dalam memastikan keberkesanan proses pendidikan dalam kalangan anak-anak masyarakat Melayu.

Seterusnya, tahap kedua pula adalah peringkat anak-anak meningkat ke alam remaja dan dewasa. Di peringkat ini ibubapa tidak lagi menggunakan pendekatan yang sama sepertimana di tahap pertama. Ibubapa akan menggunakan kaedah rundingan, dalam erti kata lain adalah dengan member nasihat dan teguran yang sewajarnya dalam mendidik anak-anak mereka. Menurut Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat (1985) lagi, di peringkat ini ibubapa bersifat sebagai pemerhati terhadap segala kelakuan dan kegiatan anak-anak mereka. Mereka memastikan anak-anak mereka bersedia dalam menghadapi cabaran hidup yang sebenar seperti bekerja atau berumahtangga.

Di samping itu, Stevenson (1975) juga menjelaskan bahawa sebahagian besar dalam pendidikan informal anak-anak Melayu adalah dengan memerhati dan menolong ibubapa, saudara-mara dan orang di sekitarnya bekerja dalam bidang pertanian, memancing, mengumpul hasil hutan. Keadaan ini membolehkan mereka untuk membina ilmu dan kemahiran yang secukupnya dalam memenuhi keperluan ekonomi dan keperluan keberlangsungan hidup mereka. Dan hanya segelintir sahaja yang mempunyai kebolehan, menyebabkan mereka terpilih dan berpeluang untuk keluar dari pekerjaan yang asas kepada yang lebih tinggi. Pendidikan

informal adalah sama pentingnya dengan pendidikan formal dalam menerapkan keilmuan dan ajaran. Apa yang membezakan adalah pendidikan formal mempunyai matlamat dan tujuan yang jelas dalam memajukan sesuatu masyarakat agar lebih berpengetahuan dan perubahan kepada bangsa masing-masing. Hal ini dapat dilihat dengan kemasukan agama Islam dalam kalangan masyarakat Melayu memberi kesedaran mengenai kepentingan ilmu.

Pendidikan Islam Masyarakat Melayu

Menurut Khadijah & Nor Adina (2005), menjelang akhir abad ke 19 Masihi terdapat sekolah-sekolah pondok, madrasah dan sekolah-sekolah yang diasaskan oleh kolonial British di Tanah Melayu sejak tahun 1880-an lagi. Pada dasarnya pihak British hanya ingin melihat anak-anak masyarakat Melayu lebih pandai dari ibubapa mereka sahaja, bukanlah untuk mendidik mereka menjadi cerdik pandai. Disebabkan oleh kekurangan dalam penyediaan sekolah-sekolah Melayu dalam tiada disiplin ilmu atau kurikulum yang sesuai, surat khabar pada masa itu telah dijadikan sebagai bahan pengajaran.

Menurutnya lagi, R.J Wilkonson, penyelia sekolah-sekolah pada tahun 1877 hingga 1895 mendapati bahawa surat khabar secara amnya telah menyumbangkan kemajuan intelek kepada orang Melayu. Peranan yang besar dalam membuka mata orang Melayu, khususnya generasi muda. Pendidikan agama dijalankan di sekolah pondok dan juga madrasah. Pada peringkat awal, sekolah ini kurang memainkan peranan yang besar dalam menyemarakkan semangat kebangkitan dalam kalangan orang Melayu kecuali pada tahun 1900, era reformasi Islam di Timur tengah telah membuka minda kaum muda untuk cakna kepada masalah-masalah politik di negara mereka. Jelas disini, pendidikan agama merupakan pemangkin utama dalam gerakan kebebasan dan kemajuan intelek dalam kalangan masyarakat Melayu melalui sekolah-sekolah dan juga surat khabar dalam menjadi wadah perkembangan pendidikan dan semangat kebebasan masyarakat Melayu.

PERANAN AL-AZHAR KEPADA PERKEMBANGAN INTELEKTUAL MELAYU

Gerakan reformasi Islam telah sampai di Tanah Melayu menjelang abad ke 20 Masihi. Gerakan ini dipelopori oleh Syeikh Muhammad ‘Abduh dan Syed Jamaluddin al-Afghani di Timur Tengah, Mesir. Syeikh Muhammad ‘Abduh menyesuaikan prinsip-prinsip Islam selaras dengan kehendak zaman mengikut ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Dan pada akhir abad ke 19 Masihi, konsep pan-Islamisme telah mula diutarakan oleh Syed Syeikh Jamaluddin al-Afghani. Konsep ini mencetus kepada semangat nasionalisme yang berteraskan ajaran Islam dan keperluan sesuatu bangsa dalam mengubah negara Islam bersatu dan berdaulat (Khadijah & Nor Adina: 2005).

Majalah al-Imam

Menurut Adibah & Ezad (2011), tradisi keintelektualan orang Melayu adalah berkait rapat dengan kelahiran penulisan-penulisan di alam Melayu sekaligus menjadi bukti kepada perkembangan intelektual di bumi Melayu turut direkodkan melalui tulisan. Golongan kaum muda memainkan peranan utama dalam membawa perubahan kepada sistem pendidikan Islam

di tanah Melayu yang kebanyakannya tergolong daripada lulusan al-Azhar seperti Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Haji Abbas Taha dan Syed Syeikh al-Hadi menyuarakan kesedaran terhadap kepentingan ilmu disuarakan menerusi persuratkhabaran. Antaranya ialah al-Imam (1906-1908), al-Ikhwan (1926-1931) dan Saudara (1931-1940) yang menggesa masyarakat Islam Melayu mula sedar dan bersifat lebih terbuka dalam menerima perubahan mengikut arus semasa (Adibah & Ezad: 2011).

“...Sebagaimana yang kita telah sedia maklum bahawa al-Imam merupakan wahana kepada pencetusan kebangkitan kesedaran masyarakat Melayu yang telah dirintis oleh Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh al-Hadi dan rakan-rakan yang kebanyakannya berdarah Minang dan Arab; tetapi amat prihatin dengan nasib masyarakat Melayu...”

“...Sistem pendidikan ini didasarkan kepada corak dan sistem pendidikan al-Azhar yang memberikan kemudahan kepada para penuntutnya dan sekaligus mengamalkan demokrasi pendidikan Islam. Corak dan sistem pendidikan al-Azhar ini dibawa masuk oleh para berkelulusan al-Azhar yang menyebarkan melalui penerbitan al-Imam.”

Dari petikan kenyataan di atas dapat disimpulkan bahawa Syeikh Tahir Jalaluddin adalah pelopor utama dalam membawa pemikiran Muhammad ‘Abduh dan kemudiannya membawa kepada perubahan sistem pendidikan di Tanah Melayu (Khadijah & Nor Adina: 2005). Ketika menuntut ilmu di al-Azhar, Syeikh Tahir Jalaluddin telah mendalami ilmu-ilmu al-Arabiyah, Syari’ah Wariyadhyyah dan Ilmu Falak. Beliau juga terpengaruh dengan pemikiran dan penulisan Syeikh Muhammad ‘Abduh dan Sayyid Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Afghani. Malah, Syeikh Tahir Jalaluddin juga bersahabat baik dengan Syeikh Muhammad Rashid Rida. Buktinya beliau telah menyumbangkan penulisannya di dalam majalah al-Manar terbitan Rashid Rida dalam menyumbangkan idea fahaman reformasi Islam (Mukhtar: 1980). Pada tahun 1869 Masihi, Syeikh Tahir Jalaluddin telah kembali semula ke Mekah dan pada masa yang sama beliau telah menyebarkan fahaman pembaharuannya kepada beberapa tokoh dari Nusantara. Hal ini membuktikan terdapat persefahaman idea antara para pelajar lulusan Mekah dan lulusan al-Azhar (Khadijah & Nor Adina: 2005). Keadaan ini membolehkan Syeikh Tahir Jalaluddin menerbitkan majalah al-Imam di Singapura pada tahun 1906 Masihi bersama-sama dengan Sayyid Syeikh al-hadi, Haji ‘Abbas bin Mohd Taha dan Syeikh Mohd Salim al-Kalali. Majalah al-Imam telah menjadi alat penyebaran fahaman dalam membawa pembaharuan sosial dan meningkatkan kesedaran agama dalam kalangan masyarakat Melayu (Mat Senin: 1974).

Sebagaimana pandangan Muhammad ‘Abduh diterbitkan dalam akhbar al-Ikhwan di tanah Melayu berkaitan isu-isu yang mempunyai persamaan dengan masyarakat Islam di Mesir dan juga di tanah Melayu. Al-Imam sebagai lidah utama kaum muda dalam menyebarkan gagasan dan pendedahan kepada masyarakat Melayu (Adibah & Ezad: 2011). Al-Imam memainkan peranan yang besar dalam menyebarkan pengaruh gagasan idea pembaharuan Muhammad ‘Abduh bukan sahaja di semenanjung Melayu tetapi juga di *Dutch East Indies* iaitu dikenali sebagai negara Indonesia sekarang (Hafiz: 2020). Ketokohan Syeikh Tahir Jalaluddin dan rakan-rakannya dalam menyebarkan pengaruh fahaman daripada al-Azhar terbukti apabila

pengaruh daripada penerbitan majalah al-Imam ini berjaya mencetuskan fenomena penerbitan majalah lain di Tanah Melayu seperti “Neraca” yang menyokong usaha-usaha transformasi dalam kehidupan orang Melayu dan “Pengasuh” dalam menyebarkan fahaman-fahaman reformasi Islam di Mesir (Adibah & Ezad: 2011).

Melihat kepada latar belakang Syeikh Tahir Jalaluddin, ternyata beliau telah terdedah dengan fahaman reformasi ketika mana beliau berada di Mesir sewaktu beliau menuntut ilmu di al-Azhar. Keadaan yang sama juga berlaku kepada para pelajar Melayu yang menuntut ilmu di al-Azhar, mereka telah menjadi batu loncatan serta sokongan kepada Syeikh Tahir dalam membawa masuk aliran *islah* ke Tanah Melayu sekaligus membawa perubahan yang besar dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu. Majalah al-Imam menjadi satu metode yang berkesan dalam perkembangan reformasi pendidikan Islam di Tanah Melayu (Khadijah & Nor Adina: 2005).

Perubahan Sistem Pondok kepada Sistem Pendidikan Bersistematik

Perkembangan pendidikan di Tanah Melayu bermula dengan pendidikan informal di rumah berubah kepada pendidikan tradisional seperti pengajian ilmu di pondok-pondok serta pengajian ilmu agama di masjid berdasarkan kitab yang dipengaruhi oleh ciri-ciri pengajian ilmu di Masjid al-Haram. Penyesuaian pengajaran seperti mana yang terdapat di Masjid al-Haram adalah untuk memudahkan para pelajarnya tempatan meneruskan pembelajaran di sana apabila mereka mahu menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Manakala, sistem pendidikan pondok memerlukan para pelajarnya duduk dalam bentuk *halaqah* mengelilingi seorang guru seperti yang dilakukan di Masjid al-Haram. Pelajar yang menghadiri halaqah ini sebahagian besar berusia belasan tahun, dan kebiasaannya mereka diajar nahu Bahasa Arab selama dua tahun. Mereka juga diajar bahasa Arab serta ilmu-ilmu yang lain menggunakan kitab yang khusus sebagai panduan (Nik Abdul Aziz.1983).

Mahmood Zuhdi et al (2005) telah menyenaraikan sebanyak tujuh aspek utama impak yang besar lulusan al-Azhar kepada tanah Melayu. Antara aspek yang berkaitan dengan sumbangan lulusan al-Azhar dalam bidang pendidikan, ialah pencetus dan pemangkin kepada usaha penerapan nilai-nilai Islam ala *tajdid* dalam sistem pendidikan Islam. Menggantikan sistem pondok yang bercorak Fatani yang diusahakan oleh para lulusan Mekah dianjurkan untuk mempertingkatkan lagi sistem pelajarannya kepada institusi pendidikan Islam yang lebih bersistematik dikenali sebagai madrasah, pembaharuan lulusan al-Azhar ini di mana dikenali sebagai kaum muda (Ibrahim: 1992) (Khadijah & Nor Adina: 2005).

Berkembang kepada pendidikan di sekolah atau madrasah yang mempunyai sistem pendidikan yang lebih sistematik didasarkan kepada perubahan dan perkembangan pendidikan al-Azhar (Khadijah & Nor Adina: 2005). Madrasah-madarasah yang ditubuhkan di Tanah Melayu seperti Madrasah Masriyah di Pulau Pinang pada tahun 1906 dan Madrasah al-Iqbal Islamiyah pada tahun 1908 dipengaruhi oleh bentuk pendidikan Universiti al-Azhar. Penubuhan-penubuhan madrasah ini telah menggunakan pendekatan pembelajaran yang berdaya saing dan juga mampu menghadapi cabaran semasa. Institusi madrasah ini tidak lagi berbentuk *halaqah*, bahkan pengajaran diwujudkan dalam kelas dan mempunyai jadual pengajaran masing-masing. Para pelajar mempunyai kerusi serta meja yang digunakan untuk

menulis. Antara mata pelajaran yang diajar ialah Ilmu Kira-kira, Ilmu Mantiq, Ilmu Alam dan lain-lain (Muhammad Redzuan: 2005).

Hasil daripada penubuhan sekolah tersebut, maka bermulalah era baru bagi perkembangan ilmu di Tanah Melayu. Mata pelajaran tidak lagi tertumpu kepada persoalan tauhid, ibadah dan akidah semata-mata tetapi ia juga merangkumi mata pelajaran agama Islam, bahasa Arab, bahasa Inggeris, bahasa Melayu, matematik, geografi, sejarah, khutbah dan penulisan. Corak dan sistem pendidikan al-Azhar dibawa masuk oleh para lulusan al-Azhar yang menyebarkannya melalui penerbitan al-Imam. Perkara ini membawa kepada penubuhan sekolah agama dibina dengan pesat. Antara yang terkenal adalah sekolah al-Mashor al-Islamiyyah di Pulau Pinang pada tahun 1914 Masihi, Madrasah al-Idrisiah di Kuala Kangsar pada tahun 1925 dan Madrasah Zainal Abidin di Terengganu pada tahun 1934M (Khadijah & Nor Adina: 2005).

Kemudian lahirlah sekolah agama di Semenanjung, iaitu Maahad al-Ihya al-Sharif di Ujong Semanggol, Perak dan juga Maahad Mahmud Alor Setar, Kedah mula menggugat kuasa penjajah Inggeris. Usaha memberi pendidikan dan pelajaran kepada kaum wanita juga turut diberi penekanan oleh lulusan al-Azhar seperti Said Syeikh al-Hadi melalui penulisan novel beliau 'Faridah Hanum' (1925-1926). Bahkan usaha gigih juga dilakukan dalam meningkatkan penggunaan bahasa Melayu secara meluas dalam bidang pendidikan. Pada tahun 1950an telah timbul cadangan untuk menubuhkan Kolej Islam Malaya yang pernah dibincangkan sebelum Perang Dunia Kedua (Khadijah & Nor Adina: 2005).

Masyarakat Melayu mulai sedar akan kepentingan berilmu dalam melahirkan ilmuwan Muslim yang memiliki kemahiran ilmu pengetahuan duniawi dan ukhrawi. Keperluan untuk membina sebuah Universiti Islam di Tanah Melayu telah tercetus hasil usaha beberapa pihak dan kemudiannya telah menubuhkan sebuah jawatankuasa Pengurus Pertubuhan Kolej Islam. Jawatankuasa ini disokong penuh oleh Kerajaan Mesir dari sudut kewangan dan tenaga pengajar. Pengaruh al-Azhar terserlah dengan penyusunan kurikulum pembelajaran dan pendidikan kolej tersebut. Kini Kolej Islam menjadi Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (Khadijah & Nor Adina: 2005).

Selain itu, penubuhan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) turut dipengaruhi dengan corak pengajian al-Azhar. YPTIK berfungsi sebagai sebuah institusi pengajian Islam dan kini yayasan tersebut menjadi sebahagian Akademik Islam dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya. Hasil pengaruh dan peranan al-Azhar terserlah dengan penubuhan Kolej Islam dan Akademik Islam di Tanah Melayu diserap masuk daripada sistem al-Azhar. Penubuhan dua institusi ini adalah kemuncak kepada perkembangan intelektualisme Melayu di Tanah Melayu, sejourus melakar kemuncak keilmuan keilmuan Islam di Tanah Melayu (Khadijah & Nor Adina: 2005).

KESIMPULAN

Pengaruh pemikiran lulusan al-Azhar memainkan peranan yang penting terhadap perkembangan intelektualisme Melayu. Malah perkembangan perkembangan ilmu di Tanah Melayu dilihat semakin berkembang pada akhir abad ke 19 Masihi dengan penubuhan Kolej Islam Malaya ke peringkat tertinggi dalam pengajian di Tanah Melayu. Golongan berkelulusan al-Azhar berjaya dalam membangkitkan kesedaran masyarakat Melayu tentang kepentingan

berilmu sebagai seorang muslim yang berjaya memenuhi tuntutan beragama dengan sempurna. Antara peranan al-Azhar terhadap perkembangan intelektualisme di Tanah Melayu ialah dengan penubuhan *madrasah* atau sekolah dengan sistem yang lebih bersistematik, menggantikan sistem pendidikan yang tradisional seperti pondok. Penubuhan sekolah atau *madrasah* membuka jalan baru terhadap perkembangan intelektualisme di Tanah Melayu. Pengembangan ilmu dalam pelbagai bidang yang dibawa masuk ke Tanah Melayu melalui golongan yang menuntut ilmu di Timur Tengah khususnya memberi satu nilai tambah kepada intelektualisme Melayu pada ketika itu. Hal ini membuka peluang kepada para pengkaji yang berminat dalam mengkaji peranan tokoh yang menuntut di Timur Tengah dengan lebih terperinci mengikut peranan dan sumbangan mereka dalam bidang yang lebih khusus. Secara semulajadi, gerakan golongan yang berpendidikan dari Timur Tengah telah diserap masuk ke dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu sekaligus membawa kepada perkembangan intelektualisme yang penting di Tanah Melayu. Al-Azhar merupakan sebuah institusi pengajian yang hebat memainkan peranan dalam perkembangan intelektualisme Islam sejak dari penubuhannya sehinggalah sekarang.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Mat Ton pygl. 2006. *Pengislahan Masyarakat Melayu: Perbincangan al-Imam (1906-1908)*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Abdul Rahman Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam di Tanah Melayu: Sejarah dan Aliran*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman Abdullah. 2007. *Gerakan Islam Tradisional di Tanah Melayu: Sejarah Pemikiran Jama'at Tabligh dan Darul Arqam*. Karisma Publication Sdn.Bhd: Shah Alam.
- Abu Hanifah Haris & Mohammad Redzuan Othman. 2013. *Seruan Azhar (1925-1928) Dan Idea Perpaduan Serumpun Antara Penduduk Tanah Melayu Dan Indonesia Di Kaherah*. dlm Tanah Melayu-Indonesia Romantika Hubungan Bangsa Serumpun. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Adibah Sulaiman@Mohamad & Ezad Azraai Jamsari. 2011. *Tradisi Keintelektualan Melayu dan Transformasi Pendidikan Agama Awal Abad ke-20*. Dlm Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemancu Transformasi Negara, 25-26 November 2011.
- Ahmad Nabil Amir. 2020. Rashid Rida dan Fahaman Baru Islam. *Borneo International Journal of Islamic Studies*. 3:1.
- Ahmad N.Nasir, Abdi O.Shuriye & Ahmad F. Ismail. 2012. Muhammad 'Abduh's Contributions to Modernity. *Asian Journal of Management Sciences and Education*. 1(1): 63-75.
- Badlihisam Mohd Nasir. 2010. Pendidikan dalam Gerakan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2(1): 1-12.
- Badlihisam Mohd Nasir, Rahimin Affandi Abd Rahim, Mohd Kamil Abdul Majid & Nor hayati Md Dahlal. T.th. *Sumbangan Ulamak Lulusan Al-Azhar dalam Perkembangan Islam di Malaysia*.

- Hafiz Zakariya. 2020. Muhammad 'Abduh's Reformism: The Modes of Its Dissemination in Pre-independent Malaysia. *Interational Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*. 2(4): 43-54.
- Hitti, Philip K, 2005. *History of The Arabs*. Terj. R. Cecep Lukman Yasin dan Dedi Slamet Riyadi. Jakarta: Serambi Ilmu Semesta.
- Indira Falk Gesink. 2010. *Islamic Reform And Conservatism: Al-Azhar and The Evolution of Modern Sunni Islam*. London: I.B Tauris Publisher.
- Ibrahim Abu Bakar. 1992. *Islamic modernism in Malaya as reflected in Hadi's thought*. Montreal: McGill University, Institute of Islamic Studies.
- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil & Mariam Abdul Majid. 2017. Analisis Kritikal Perkembangan Intelektual Muslim di Malaysia Pasca Merdeka (1960-1990) Terhadap Kebangkitan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*. 10(2): 88-110.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Nor Adina Abdul Kadir.2005. Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu-Tanah Melayu. *Jurnal Usuluddin*. 22: 27-55
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali.1990. *Pengaruh al-Azhar Terhadap Perkembangan Pendidikan Islam di Tanah Melayu*. Kertas Projek: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam: Universiti Malaya.
- Latifah Abdul Latiff, Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Farah Laila Muda@Ismail & Anita Ismail. 2018. Sumbangan Orang Arab Terhadap Perkembangan Pendidikan Madrasah atau Sekolah Arab di Malaysia. *Jurnal Al-Hikmah*. 10(2): 35-53.
- Mat Senin Rais. 1974. *Majalah al-Imam Kecam Sikap Melayu*. Al-Islam: bil 1(1). Januari. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- Mahmood Zuhdi, Mohd Kamil & Rahimin Affandi.2005. Lulusan Universiti al-Azhar dan Impaknya Terhadap Pembangunan Sosial di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*. 16: 1-36.
- Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohammad Redzuan Othman, The Malay in the Middle East: Mohammad Redzuan Othman. 2006. *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Abdul Rauf. 1995. *The Muslim Mind*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Mukhtar Ramli. 1980. *Inventori Surat-surat Persendirian Syeikh Tahir Jalaluddin*. Siri Pandu Cari Arkib Negara. Arkib Negara: Kuala Lumpur
- Mustaffa Abdullah. 2008. Pengaruh Tafsir Al-Manar dan Kesanya Kepada Perjuangan Reformis Tempatan Memartabatkan Pendidikan Orang-orang Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*. 19: 108-125.
- Mustaffa Abdullah, Faisal Ahmad Shah, Ishak Suliaman, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff, Monika Munirah, Fauzi Deraman, Khadher Ahmad, Mohd Murshidi, Jilani Touhami Meftah, Sedek Ariffin, Ahmad K.Kasar, Selamat Amir, Faisal Ahmad Faisal Abdul Hamid & Mohd Roslan Mohd Nor. 2012. Sayyid Muhammad Rashid Rida's Influence on Tafsir Studies in Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research*. 12(6): 760-766.
- Nasrudin Yusuf. 2011. Perbandingan Pemikiran Muhammad 'Abduh dan Rashid Ridha Tentang Pendidikan. *Jurnal Sosial Budaya*. 8(1): 64-85.

- Nik Abdul Aziz Nik Abdul Hassan. 1983. *Islam dan Masyarakat Kota Bharu Di Antara Tahun 1900-1940*. dlm Khoo Kay Kim, *Islam di Kelantan*. Persatuan Sejarah Malaysia: Kuala Lumpur.
- Norahida Mohamed, Mohamad Zaidin Mat@mohamad, Muhamad Zaid Ismail & Taha Talal Abdul 'Alim Hanafy. 2017. Education in Perspective of Muhammad Rashid Rida. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 7(8): 116-129.
- Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat. 1985. *Perkembangan Pendidikan orang Melayu di Malaya sebelum kemunculan Western-Type-Education*. With a Bibliography of Malay Printed Works Published in the Middle East, Kuala Lumpur: Jurnal Perspektif 8 (2): 79-96)
- Radihan Saari. T.th. *Hubungan Ulama Al-Azhar di Malaysia: Satu Kajian Sekitar Abad ke-21*. Jurnal Penyelidikan Islam.
- Syahraini Tambak. 2016. Eksistensi Pendidikan Islam al-Azhar: Sejarah Sosial Kelembagaan al-Azhar dan Pengaruhnya Terhadap Kemajuan Pendidikan Islam Era Modernisasi di Mesir. *Jurnal al-Thariqah*. 1(2): 115-139.
- Yonto. 2014. *Sejarah Perpustakaan Bait Al-Hikmah Pada Masa Keemasan Dinasti Abbasiyah*. Jurnal Tamaddun Vol. XV, No. 1. 239-258
- Zuhairi Misrawi. 2010. *al-Azhar Menara Ilmu, Reformasi dan Kiblat Keulamaan*. Penerbit Buku Kompas: Jakarta.
- Zulkiflee Haron, Mohd Nasir Ripin & Farahwahida Mohd Yusoff. 2008. *Masjid Sebagai Institusi Pendidikan: Sorotan Abad ke 3H-5H*. dlm Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. UTM Press: Johor.